

UMNO-Pas tidak perlu saranan Dr Mahathir

JOHOR BAHRU - UMNO tidak memerlukan saranan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung kerjasama antara parti itu dengan Pas.

Naib Presiden UMNO, Datuk Mohamed Khaled Nordin berkata, pihaknya yakin UMNO dan Pas tidak memerlukan saranan itu khususnya dalam urusan dalaman mereka.

"Kedua, mengapa Dr Mahathir bersikap *double standard*? Semasa Dr Mahathir dan DAP mahu bekerjasama, adakah syarat meminta maaf yang serupa telah beliau letakkan kepada mereka?

"Atau adakah Dr Mahathir

sendiri mengambil pendekatan berjiwa besar dengan meminta maaf kepada Lim Kit Siang dan DAP secara umum atas segala gelaran caucanis, rasis dan kata-kata buruk yang dilemparkan kepada mereka sebelum ini

sebelum beliau kembali mendakap mereka?" katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohamed Khaled berkata, pihaknya sedar akan segala per-



MOHAMED KHALED

selisihan antara UMNO dan Pas serta ingat akan segala-galanya.

"Sesungguhnya semua itu sangat kami malu dan kesal. Semua itu perkara silam dan telah kami tinggalkan di belakang," katanya.

Justeru, beliau berharap Perdana Menteri tidak lagi

mengeluarkan kenyataan dan saranan yang mengungkit-ungkit kesilapan lepas dengan hasrat melihat mereka terus berpecah.